B895 DEB

O

R
EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 0001, 23 OGOS.
---------------------------------------------------------

PERUTUSAN
(I)

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG BERKENAN MENGHANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN ROMANIA, ENCIK NICOLAE CEAUSESCU SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA ITU ESOK.

YANG DI-PERTUAN AGONG BERHARAP ROMANIA AKAN TERUS MENCAPAI KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN DI BAWAH PIMPINAN ENCIK CEAUSESCU.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, DALAM PERUTUSAN YANG SERUPA KEPADA RAKAN SEJAWATANNYA, ENCIK CONSTANTIN DASCALESCU, YAKIN ROMANIA AKAN TERUS MENIKMATI KEMAKMURAN DAN KEAMANAN.

MENTERI LUAR, TENGKU AHMAD RITHAUDDEN, JUGA MENGHANTAR PERUTUSANNYA KEPADA RAKAN SEJAWATANNYA, ENCIK STEFAN ANDREI. -- BERNAMA.

1718MST 22 08 85